



BULETIN MDG

"MENUJU ERA GEMILANG"

EDISI JAN - JULAI 2025

BIL 1/25



Pesta KACAU DODOL LEMBAH LENGGONG 2025

SUKAN RAKYAT 2025



EKSPLORASI LENGGONG GEOPARK

MAJLIS DAERAH LENGGONG X MAJLIS DAERAH GERIK



Perutusan YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH GERIK

**“Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Gerik Gemilang”**

**Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran
dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan
limpah rahmat dan izin-Nya, Buletin MDG Bilangan
1/2025 berjaya diterbitkan sebagai medium informasi
rasmi Majlis Daerah Gerik kepada para pembaca
sekalian.**



Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan Sidang Redaksi Buletin atas komitmen, usaha dan dedikasi yang telah dicurahkan sehingga terhasilnya penerbitan ini. Tidak dilupakan juga Setiausaha, Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan serta seluruh warga MDG yang sentiasa berganding bahu dalam memastikan kelancaran pentadbiran dan kecemerlangan perkhidmatan kepada masyarakat.

Tahun 2025 membuka lembaran baharu dalam usaha kita memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan dan melaksanakan agenda pembangunan yang lebih mampan, inklusif dan berimpak tinggi. Dengan semangat kebersamaan serta kerjasama seluruh warga kerja MDG, saya yakin kita mampu mencapai lebih banyak kejayaan dan pengiktirafan, bukan sahaja di peringkat negeri, malah di peringkat kebangsaan.

Buletin ini bukan sahaja menjadi saluran penyampaian maklumat terkini berkaitan aktiviti dan program Majlis, malah berperanan sebagai wahana komunikasi dan keterlibatan antara Majlis dan masyarakat. Justeru, saya berharap penerbitan ini dapat dimanfaatkan sebaik mungkin oleh semua pihak sebagai sumber rujukan dan inspirasi.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama mengorak langkah ke hadapan dengan semangat yang jitu demi membina Gerik Menuju Era Gemilang.

Buletin Majlis Daerah Gerik (MDG) - 2025

Selamat datang ke E-Buletin Majlis Daerah Gerik (MDG), medium rasmi yang memaparkan aktiviti, program, pencapaian serta inisiatif yang dilaksanakan oleh MDG dari semasa ke semasa. Penerbitan ini menjadi platform untuk menyalurkan maklumat terkini kepada masyarakat berkaitan peranan dan tanggungjawab MDG dalam memastikan pembangunan daerah Gerik berjalan secara terancang, mampan dan inklusif.



Membangunkan sebuah daerah yang progresif, harmoni dan sejahtera

Semoga perkongsian ini dapat meningkatkan kesedaran, kefahaman dan penglibatan masyarakat dalam bersama-sama membangunkan Gerik sebagai sebuah daerah yang progresif, harmoni dan sejahtera.

SIDANG REDAKSI BULETIN MD GERIK

PENAUNG

TN. MOHAMAD FITRI BIN HASSAN (P.C.M.)
YANG DIPERTUA MD GERIK

PENASIHAT

AHMAD FAZRIL BIN RAMLI
PEGAWAI TADBIR, SETIAUSAHA, N9

KETUA EDITOR

MOHD KHAIRUL ANWAR BIN HUSSAIN
PEN. PEG. TEKNOLOGI MAKLUMAT

EDITOR

NURZAKIRAH BINTI AHMAD NOOR
PEMBANTU TADBIR

JURUFOTO

MUSTAQIM BIN KHAIRUL HIZAD
AINUDDIN BIN KAMARUDIN
NURZAKIRAH BINTI AHMAD NOOR

DITERBITKAN OLEH

BAHAGIAN KORPORAT,
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS DAERAH GERIK



JANUARI 2025



SUKAN RAKYAT 2025

Tahniah kepada semua para pemenang dalam sukan rakyat 2025! Yang kalah, jangan berputus asa, teruskan berjuang sehingga mencapai kejayaan! Terima kasih dan setinggi penghargaan diucapkan kepada penganjur utama daripada pihak YB Dato Salbiah Mohamed, jabatan-jabatan kerajaan dan juga agensi2 yang terlibat dalam menjayakan sukan rakyat ini.





Majlis

PENYERAHAN KIOSK

Majlis ini telah dirasmikan oleh Tn. Mohamad Fitri bin Hassan, Yang Dipertua Majlis Daerah Gerik. Seramai 34 penjaja telah menerima surat tawaran kiosk dan juga bateri solar untuk kegunaan sepanjang operasi perniagaan.





16 FEBRUARI: KEJOHANAN PINGPONG PIALA YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH GERIK 2025

16 Feb: Majlis Daerah Gerik telah melangsungkan kejohanan pingpong piala yang dipertua MD Gerik di dewan serbaguna Gerik. Kejohanan dijangka berlangsung sehingga jam 6 petang hari ini. Jadi kepada peminat sukan pingpong, anda boleh hadir untuk menyaksikan pasukan-pasukan daripada seluruh pelusuk perak berentap merebut kejuaraan!

Sebanyak 40 pasukan menyertai kejohanan yang julung kali diadakan pada tahun ini. Selamat maju jaya diucapkan kepada semua pasukan!



FEBRUARI 2025



**26 Februari 2025
LENGGONG GEOPARK**

EKSPLORASI LENGGONG GEOPARK MAJLIS DAERAH LENGGONG X MAJLIS DAERAH GERIK.

Satu Aktiviti Eksplorasi Lenggong Geopark Majlis Daerah Lenggong bersama dengan Majlis Daerah Gerik telah berlangsung pada hari ini.

Untuk sesi pertama iaitu sesi pembentangan mengenai Lenggong Geopark telah disampaikan oleh En Muhammad Khairul Ameer Bin Abbas selaku setiausaha Majlis Daerah Lenggong. Turut hadir En Ahmad Fazril Bin Ramli selaku Setiausaha Majlis Daerah Gerik. Lawatan ini telah diiringi oleh Pegawai yang bertugas daripada Unit Warisan dan Pelancongan, Majlis Daerah Lenggong dan disertai oleh Pegawai-pegawai Majlis Daerah Gerik seramai 30 orang.

Terima kasih diucapkan kepada Majlis Daerah Gerik kerana menganjurkan lawatan seperti ini. Semoga ini menjadi salah satu medium untuk mempromosikan Lenggong dan secara tak langsung membantu Lenggong untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai Lenggong UNESCO Global Geopark yang ke-3 Di Malaysia.



FEBRUARI 2025





PESTA KACAU DODOL LEMBAH LENGGONG 2025

Dapur dodol Majlis Daerah Gerik, dikunjungi oleh YB Dato Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah Shamsul Anuar Nasarah sempena pesta kacau dodol lembah lenggong yang bertempat di Dewan Arena Lawin, Gerik. YB dato seri sempat berkongsikan teknik mengacau dodol dengan betul dan cara mengawal api bagi memastikan dodol yang dimasak sedap dan mempunyai texture yang baik. Terima kasih YB Dato Seri.



MAJLIS BACAAN YASIN SEMPEN PENUTUP TADARUS AL-QURAN PERINGKAT MAJLIS DAERAH GERIK 2025

Tahniah dan setinggi penghargaan diucapkan kepada semua peserta tadarus Al Quran kerana berjaya menghabiskan bacaan 30 Juz dalam masa 1 bulan. Semoga nilai2 tadabbur dapat diserap dan diterjemahkan dalam melaksanakan tugas harian dan memacu kejayaan jabatan

MEI 2025

GERIK MEGATRAILS 2025



GERIK 6.0 MEGATRAILS 2025
9 - 12 MEI 2025
LAPANGAN TERBANG GERIK

"GERIK MEGATRAILS" KEMBALI LAGI. PROGRAM YANG MENGABUNGKAN SUKAN OFFROAD, KEMBARA, PERKHEMAHAN DENGAN MENIKMATI KEINDAHAN ALAM SEMULA JADI DIKAWASAN BANJARAN-BANJARAN DI SEKITAR HULUPERAK.

PADA EDISI KALI INI, PENYERTAAN ADALAH DARIPADA SELURUH PELUSUK NEGERI BAGI KATEGORI 4X4 ADALAH SEBANYAK 150 BUAH KENDERAAN, DAN BAGI KATEGORI MOTOCROSS, ADALAH SEBANYAK 600 BUAH MOTOSIKAL.

PERLEPASAN PESERTA
TEMPAT : LAPANGAN TERBANG GERIK (AIRSTRIP)
TARIKH : 10 MEI 2025 (SABTU)
9 AM - 11 AM

SEMUA DIJEMPUT HADIR

KATEGORI
JARAK PERJALANAN **200 KM ±**
TEMPOH **3 HARI 2 MALAM** / **2 HARI 1 MALAM**

DIRASMIKAN OLEH
YB DATO SALBIAH BT MOHAMED
PEMBERUS JAWATAN/RAJA PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA, KEBALIKAN MASYARAKAT DAN PEMBIANGUNAN USKASUNAN /ADUN TEMENGGOR

AKTIVITI DAN PROGRAM SEPANJANG MEGATRIL 2025
FOOD MANIA By Letops Fest
FESTIVAL MAKANAN VIRAL
BUKA SEPANJANG EVENT 8 - 12 MEI 2025

KHAMIS 8/5/2025
QASIDAH & SELAWAT
CERAMAH AGAMA

JUMAAT 9/5/2025
PERSEMBAHAN ARTIS JEMPUTAN (SHIDI DATA)

SABTU 10/5/2025
PERSEMBAHAN ARTIS JEMPUTAN (PUTRA BOBOI) (FIRE EATER)

AHAD 11/5/2025
ARTIS JEMPUTAN (XPDC)
BATTLE OF THE BAND
JUALAN RAHMAH (KPDN)
GERIK RACE 10KM
KETIBAAN PESERTA MOTORCROSS

ISNIN 12/5/2025
KETIBAAN PESERTA 4X4
PENUTUP PROGRAM

XPDC



Majlis Daerah Gerik (MDG) telah menganjurkan MegaTrails Gerik 2025 yang berlangsung pada 8 hingga 12 Mei 2025 (Khamis hingga Isnin) bertempat di Lapangan Terbang (Airstrip) Gerik. Program ini berjaya menarik penyertaan dan kehadiran orang ramai dengan pelbagai aktiviti menarik yang sesuai untuk semua peringkat umur. Acara utama seperti motocross, cabaran 4x4 dan Gerik 10KM Run telah menjadi tumpuan pengunjung serta peminat sukan lasak dan rekreasi.

Selain itu, suasana turut dimeriahkan dengan Festival Makanan Viral – Food Mania by Letops Fest, Battle of the Band, pertandingan karaoke, Ratu Cilik, pertandingan mewarna serta penalti corong. Penganjuran MegaTrails ini bukan sahaja mengeratkan hubungan komuniti setempat, malah turut mempromosikan daerah Gerik sebagai destinasi pelancongan dan lokasi penganjuran acara berskala besar.

Satu mesyuarat tindakan segera telah diadakan bagi membincangkan usaha menyelamatkan para rider Program Gerik MegaTrail 6.0 yang terkandas akibat faktor cuaca tidak menentu. Dalam mesyuarat tersebut, pihak penganjur bersama agensi terlibat telah merancang penyaluran bantuan makanan, bekalan minyak serta operasi membawa keluar peserta yang terlibat pada pagi 13 Mei 2025. Sehingga kemas kini pada 12 Mei 2025 jam 11.00 malam, semua gerak kerja penyelarasan dijalankan secara teratur dan berperingkat demi memastikan keselamatan peserta sentiasa menjadi keutamaan.



Semua peserta akhirnya berjaya keluar dengan selamat ke destinasi masing-masing. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada induk program iaitu Majlis Daerah Gerik (MDG), Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Perak, IPD Gerik, pihak Bomba, JPAM, Perbadanan Taman Negeri Perak, Pejabat Kesihatan Gerik, jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat, Team ResQ Kelab Motocross, Abang Farid dari Team ATV, Abang Adam Malik Kuala Kangsar serta semua krew yang bertungkus-lumus memastikan keselamatan dan kelancaran program. Program Gerik MegaTrail 6.0 tahun 2025 ini pastinya meninggalkan pelbagai kenangan bermakna dan membuktikan bahawa dengan kerjasama serta doa semua pihak, segala cabaran dapat diatasi dengan jayanya.

JUN 2025

PROGRAM QURBAN PERDANA MAJLIS DAERAH GERIK 1446H/2025M



Pada 9 Jun 2025 (Isnin), kakitangan Majlis Daerah Gerik (MDG) telah menyertai Program Qurban Perdana 1446H/2025M anjuran Asyraf Wajdi Dusuki, Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), bersama agensi kerajaan dan NGO di Padang Bola Kampung Jong, Gerik.

Program ini bukan sahaja bagi menunaikan ibadah korban sempena Aidiladha, malah mengeratkan hubungan antara jabatan dan komuniti setempat. Terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini



PERLAWANAN PERSAHABATAN KAROM DAN DART DIANTARA PASUKAN MAJLIS DAERAH GERIK DAN PASUKAN MAJLIS DAERAH BALING.



Perlawanan Persahabatan Karom dan Dart telah diadakan antara pasukan Majlis Daerah Gerik (MDG) dan Majlis Daerah Baling pada 26 Jun 2025 (Rabu) bertempat di Dewan Persidangan Gerik. Program ini dianjurkan bagi mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kesukanan.



SEMINAR ANTARABANGSA LENGGONG AUGGP



Tahniah diucapkan kepada pihak pengurusan Lenggong aUGGP atas kejayaan menganjurkan Seminar Antarabangsa pada 11-13 April 2025. Seminar ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk menjadikan Lenggong sebagai Geopark Global UNESCO (UGGP) ketiga di Malaysia, selepas Langkawi dan Kinabalu.

Objektif utama seminar ini adalah untuk memperkenalkan keunikan dan potensi Lenggong sebagai calon UGGP kepada rakan-rakan dalam Rangkaian Geopark Asia Pasifik (APGN), membina rangkaian kerjasama dengan geopark di Indonesia, Vietnam, Thailand dan Iran, serta berkongsi pengalaman dan amalan terbaik bersama komuniti UGGP yang lain.

Lenggong dijadual menerima dua penilai dari UNESCO pada Julai 2025 bagi menjalankan misi penilaian lapangan – satu langkah penting dalam usaha mendapatkan pengiktirafan rasmi.

Pakar-pakar dari Rangkaian Geopark Global (GGN) yang hadir dalam seminar ini amat teruja dengan kebolehan dan komitmen pegawai-pegawai dari Majlis Daerah Lenggong dan Gerik, yang diketuai oleh Tuan Mohamad Fitri Hassan, Pegawai Daerah Hulu Perak merangkap Pengerusi Geopark Lenggong. Semangat, dedikasi dan kecekapan mereka jelas terserlah sepanjang tiga hari sesi retreat tersebut.

Ini merupakan kali pertama di Malaysia sebuah geopark dibangunkan dan diurus sepenuhnya oleh pasukan dari Majlis Daerah – satu model pengurusan yang diiktiraf sebagai antara yang terbaik untuk menjamin kelestarian sesebuah geopark.

Prof. Dato' Mokhtar Saidin, seorang akademik berpengalaman yang berjaya mengetuai pencalonan Lenggong sebagai Tapak Warisan Dunia (WHS), turut dilantik sebagai Penasihat kepada Lenggong aUGGP.

Prof. Ibrahim Komoo, Naib Presiden Rangkaian Geopark Global (GGN), telah dijemput untuk membentangkan kertas dasar bertajuk "Geopark De Facto: Strategi Mengurus Misi Penilaian UGGP". Pembentangan ini bertujuan mengingatkan asas dan keutamaan yang perlu diberi perhatian menjelang misi penilaian pada Julai nanti.



JULAI 2025

KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK



Kempen Hari Tanpa Beg Plastik telah diadakan di Tapak Pasar Tani pada 29 Julai 2025 (Selasa) bermula jam 8.30 pagi, dengan pembukaan kaunter pelbagai bagi memudahkan urusan orang ramai.

Antara perkhidmatan yang disediakan termasuk semakan dan bayaran cukai taksiran, sewaan serta kompaun, bayaran dan pembaharuan lesen perniagaan, selain pengurangan kompaun tempat letak kereta sebanyak 30 peratus sepanjang kempen berlangsung.



Sepanjang program ini, sebanyak 200 unit beg mesra alam telah diedarkan secara percuma kepada pengunjung. Kempen ini turut menerima sambutan menggalakkan apabila ramai pengunjung hadir dengan membawa beg sendiri sebagai tanda sokongan terhadap usaha mengurangkan penggunaan beg plastik.



KEMPEN HARI TANPA BEG PLASTIK

Inisiatif ini mencerminkan kesedaran dan komitmen komuniti ke arah amalan yang lebih mesra alam demi kelestarian persekitaran





EMAIL:

mdg@gerik.gov.my

NO TELEFON:

05-7912305

ALAMAT:

Pejabat Majlis Daerah Gerik
Jalan Haji Meor Yahaya
33300 Gerik, Perak.

FACEBOOK:

Majlis Daerah Gerik

PORTAL:

Majlis Daerah Gerik

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk
penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan
kebenaran bertulis daripada MDG